

Ismail Sabri sambung rakam keterangan hari ini

SPRM beri jaminan terus siasat sebarang maklumat dikait siasatan kes

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Proses mengambil keterangan Perdana Menteri kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berhubung siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sepatutnya disambung semalam ditangguh ke hari ini.

Sumber SPRM yang dihubungi enggan mengulas lanjut mengenai proses rakaman percakapan yang tidak diadakan semalam.

"Proses merakam keterangan (Ismail Sabri) akan disambung esok (hari ini), tetapi waktu belum ditetapkan," katanya, semalam.

Setakat ini, Ahli Parlimen Bera itu empat kali hadir ke ibu pejabat SPRM bagi memberi keterangan. Pada Khamis dan Jumaat lalu, SPRM merakam keterangan Ismail Sabri selama 11 jam dan bersambung lebih tujuh jam kelmarin.

Difahamkan, dokumen mengenai kelulusan projek dan perolehan antara tumpuan utama dalam pengambilan keterangan oleh pegawai penyiasat SPRM.

Pada sidang media minggu lalu, SPRM mendedahkan pene-



Azam (dua dari kanan) menerima watak pelantikan Profesor Adjung di Institut Penyelidikan Perakaunan UiTM daripada Shahrin di Bangunan Canselor UiTM Shah Alam, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

muan tunai dalam pelbagai mata wang serta jongkong emas yang secara keseluruhannya berjumlah RM177 juta.

Siasatan berjalan lancar

Di **Shah Alam**, **BERNAMA** melaporkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, memberi jaminan dan komitmen untuk terus menyiasat sebarang maklumat yang dikaitkan dengan siasatan kes membabitkan Datuk Seri Ismail Sabri.

Beliau berkata, siasatan pihaknya tidak akan terhenti kepada perlakuan rasuah, salah guna kuasa, pengubahan wang haram dan penemuan wang tunai serta jongkong emas bernilai RM177

juta sahaja.

"Setakat ini, siasatan dan rakaman percakapan berjalan lancar. Sekiranya timbul isu baru, saya memberi jaminan SPM akan terus menyiasat walaupun isu itu baru timbul," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima watak pelantikan sebagai Profesor Adjung di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang disampaikan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin, di sini, malam kelmarin.

Berhubung perkembangan siasatan kes itu, Azam berkata, sesi rakaman percakapan akan dite-

ruskan kerana masih banyak perkara yang perlu disoal dan dijawab Perdana Menteri kesembilan itu.

Beliau berkata, siasatan tidak tertumpu kepada isu berkaitan perolehan serta perbelanjaan dana bagi promosi Keluarga Malaysia sahaja, tetapi turut menurus kepada maklumat baharu serta hasil risikan termasuk fail serta dokumen yang dibuka berkaitan aset diisytiharkan Ismail Sabri.

"Selain itu, beliau (Ismail Sabri) juga perlu menjawab tentang isu rasuah dikaitkan serta ditohmahkan terhadap beliau untuk membantu siasatan," katanya.